

SENARAI TUGAS
LEMBAGA PEMERIKSA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

1. Menyedia dan mengemukakan jadual pemeriksaan kepada urus setia Pelupusan PTJ berkenaan;
2. Memeriksa aset dan rekod-rekod yang berkaitan seperti Daftar Harta Modal (KEW.312/KEW.PA-2), Daftar Inventori (KEW.313/KEW.PA-3), Perakuan Pelupusan (KEW.PA-16) atau Laporan Kerosakan Kemalangan Kenderaan Am 632A dan Am 362B atau surat permohonan institusi secara hadiah. Pemeriksaan perlu dilakukan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh diarahkan oleh PTJ berkenaan;
3. Memastikan segala maklumat sulit dan rahsia dalam peralatan yang hendak dilupus telah dikeluarkan;
4. Memastikan aset keselamatan dilupuskan mengikut Akta / Peraturan pihak berkuasa yang berkenaan.
5. Melengkapkan KEW.PA-17 di ruangan:-
 - a) Nyatakan keadaan aset dengan jelas; dan
 - b) Syor kadar pelupusan dan justifikasi seperti:-
 - (i) Jualan secara:-
 - 1) Tender;
 - 2) Sebutharga; dan
 - 3) Lelong.
 - (ii) *E-Waste*, Barangan Terjadual dan sisa pepejal.
 - (iii) Jualan sisa.
 - (iv) Tukar barangan peralatan.
 - (v) Tukar beli.
 - (vi) Tukar ganti.
 - (vii) Hadiah.
 - (viii) Musnah.
 - (ix) Kaedah-kaedah lain pelupusan yang difikirkan sesuai.
6. Menandatangani Laporan Lembaga Pemeriksa (KEW.PA-17) dan kemukakan semula kepada urus setia Pelupusan PTJ berkenaan.

**SELARAS DENGAN 1PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP) – PENGURUSAN
ASET (KP), TINDAKAN-TINDAKAN BERIKUT PERLU DIPATUHI SEBELUM DAN
SEMASA KENDERAAN INI DIJUAL/DIHADIAH**

1. Catatan Jabatan/Tanda Hak Kerajaan pada kenderaan hendaklah dipadamkan.
2. Resit rasmi (Kew. 38 Pin. 1/81) hendaklah dikeluarkan secara berasingan bagi setiap penjualan kenderaan.
3. Catatan mengenai penjualan hendaklah dibuat dalam fail kenderaan.
4. Borang pendaftaran Tukar Hak Milik Kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan hendaklah disediakan dan diserahkan kepada pembeli.
5. Jabatan Pengangkutan Jalan hendaklah diberitahu supaya pendaftaran kenderaan itu dibatalkan sekiranya pelupusan adalah secara jualan sisa.